

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	2 March 2016

# PM mulakan lawatan ke Arab Saudi, kerjakan umrah

Um - 2/3/2016



**NIZAM  
HAMID**

Melaporkan dari ARAB SAUDI

## ■ MEKAH1MAC

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor memulakan lawatan kerja tiga hari ke negara ini dengan mengerjakan ibadah umrah.

Perdana Menteri dan delegasi tiba di Masjidilharam kira-kira pukul 10 pagi (waktu tempatan) dan selesai mengerjakan ibadah itu sebelum waktu zuhur.

Yang turut menyertai umrah itu ialah dua Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Jamil Khir Baharom dan Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Mutawif Sultan Mastour Althobity bertindak sebagai pembimbing rombongan umrah Perdana Menteri itu.

Najib dan isteri tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdul Aziz Jeddah pada pukul 11.50 malam tadi dan ketibaannya disambut oleh Duta Malaysia ke Arab Saudi, Zainol Rahim Zainuddin dan isteri, Fatimahwati Abdul Rahman; Timbalan Gabenor Mekah, Raja Saud al Jalawi serta pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan kedutaan di Arab Saudi.



**NAJIB TUN RAZAK dan Rosmah Mansor menyempurnakan umrah di Mekah, semalam, sempena lawatan kerja ke Arab Saudi. -BERNAMA**

Dalam rangka lawatan itu, Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan pada Forum Ekonomi Jeddah (JEF) pada sebelah malam. Beliau juga dijadual menghadap

Raja Salman Abdulaziz Al-Saud, Putera Mahkota Mohammad Naif Al-Saud dan Timbalan Putera Mahkota Mohammed Bin Salman Al-Saud.

Perdana Menteri juga dijangka melawat pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang kini mengikuti ekseseis bersama di Hafar Al Batin. - UTUSAN